

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI (LAHAD DATU)**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI [LAHAD DATU]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah kepatuhan kepada SOP COVID-19 oleh pihak Jabatan Penjara sehingga berlakunya kluster Benteng LD Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penularan COVID-19 di Penjara Tawau berpunca daripada kemasukan seorang banduan bukan warganegara dari IPD Lahad Datu yang tidak dibuat saringan COVID-19 terlebih dahulu dan hanya diambil tindakan untuk saringan oleh Jabatan Penjara Malaysia setelah banduan berkenaan dimasukkan ke penjara berkenaan. Setelah keputusan saringan positif diterima untuk banduan tersebut, saringan terhadap banduan-banduan lain di blok kuarantin Penjara Tawau turut dibuat dan dari masa ke semasa dan jumlah banduan dengan keputusan positif COVID-19 terus meningkat. Pada 24 Oktober 2020 hasil kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), tiada lagi banduan, anggota dan keluarga anggota yang aktif COVID-19.

## SOALAN NO : 37

Jabatan Penjara Malaysia juga telah mengarahkan agar semua institusi penjara mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh KKM berhubung keperluan pelaksanaan ujian *swab* kepada anggota dan ahli keluarga anggota serta banduan, yang mempunyai kontak rapat dengan individu yang positif COVID-19 selaras dengan arahan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pada 15 Oktober 2020, Sidang Khas MKN COVID-19 bil. 29 tahun 2020 telah bersetuju agar KKM melaksanakan ujian pengesahan COVID-19 kepada semua banduan semasa kemasukan bagi memastikan penularan COVID-19 di penjara dapat dicegah sepenuhnya. Melalui arahan tersebut, institusi-institusi penjara seluruh Malaysia telah diarahkan untuk memastikan semua banduan baharu mesti menjalani saringan COVID-19 dan mempunyai keputusan saringan tersebut sebelum ditempatkan di blok kuarantin penjara atau di hospital atau di pusat-pusat kuarantin di luar penjara.

Seterusnya bagi mengurangkan tahap kebolehjangkitan COVID-19 di kalangan banduan serta mengurangkan kesesakan, Jabatan Penjara Malaysia bersama dengan KDN sedang dalam proses memuktamadkan cadangan penempatan banduan sabitan dan reman kategori risiko keselamatan minimum di beberapa bekas kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang akan diwartakan sebagai penjara sementara di bawah seksyen 8 Akta Penjara 1995 dan berfungsi sebagai *admission prison*.

Bagi tujuan yang sama iaitu mengurangkan tahap kebolehjangkitan, Jabatan Penjara Malaysia telah mewujudkan pusat-pusat transit di institusi penjara untuk penempatan banduan yang boleh diterima masuk ke institusi tersebut dengan mengambil kira keperluan pengasingan berdasarkan tarikh-tarikh kemasukan. Selaras dengan hala tuju Jabatan Penjara Malaysia iaitu dua pertiga banduan sabitan yang layak akan menjalani pemulihan di luar penjara, langkah-langkah pengurangan kesesakan melalui pelaksanaan dan pemerkasaan sistem parol, perintah kehadiran wajib, program integrasi penghuni industri, program *corporate smart internship* dan pelepasan banduan secara lesen. Ini akan dilaksanakan berterusan dengan itu dapat menjangka akan mengurangkan kesesakan dan juga kita dapat mengekang penularan wabak COVID-19 di dalam penjara.